

21 FEB 1999

Sabah-Bersekutu

BERSEKUTU TIDAK PERLU SOKONGAN KL, KATA HARRIS

SANDAKAN, 21 Feb (Bernama) -- Pemangku Presiden Bersekutu Datuk Harris Salleh berkata, partinya tidak memerlukan sokongan kerajaan pusat untuk menghadapi pilihan raya negeri yang dijadualkan tidak lama lagi.

Sokongan yang diberikan oleh rakyat Sabah sudah mencukupi untuk memastikan kemenangan parti itu bagi membentuk kerajaan Sabah, katanya.

"Kita tidak ada niat mahu masuk Barisan Nasional (BN) dan kita tidak mahu sokongan dari Kuala Lumpur," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis Pesta Ang Pau Bersekutu di sini. Terdahulu semasa berucap di majlis itu beliau telah menegaskan bahawa parti itu tidak memerlukan sokongan Kuala Lumpur.

Harris berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa beliau dan BN tidak menyokong Harris.

Harris yang juga bekas Ketua Menteri dalam kerajaan Berjaya dari 1976 hingga 1985 berkata, rakyat Sabah bijak membuat keputusan untuk masa depan mereka.

BN tidak semestinya menang dalam pilihan raya akan datang kerana ia bergantung kepada apa yang telah dilaksanakan oleh parti itu untuk Sabah selama lima tahun pemerintahannya, kata beliau.

Harris berkata, kerajaan pusat yang diterajui oleh BN mempunyai tanggungjawabnya sendiri seperti dalam perlembagaan dan kerajaan Sabah juga mempunyai tanggungjawabnya sendiri.

Harris mendakwa, Bersekutu kini mempunyai lebih 400,000 anggota di seluruh negeri manakala rakyat Sabah yang telah mendaftar untuk mendapatkan saham Yayasan Sabah yang dijanjikan oleh parti itu jika dapat membentuk kerajaan nanti telah mencapai jumlah hampir 600,000.

Beliau yakin parti itu akan memenangi sekurang-kurangnya 30 daripada 48 kerusi Dewan Undangan Negeri dalam pilihan raya negeri nanti dan berkemungkinan ia dapat memenangi 40 kerusi.

Pada majlis Pesta Ang Pau itu, Harris juga mengumumkan calon-calon Bersekutu untuk sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri dalam empat kawasan Parlimen iaitu Beluran, Libaran, Sandakan dan Kinabatangan.

Jamarudin Maridin (Sugut), Abdul Aziz Nasrah (Labuk), Musa Jala (Sungai Sibuga), Ridi Aliwangsa (Sekong), Dr Lawrence Chu (Elopura), John Khoo (Tanjung Papat), Dr Francis Chong (Karamunting), Pusing Balingan (Sukau) dan Abdul Latif Haji Taha (Kuamut).

-- BERNAMA

AFY PR